

Keperluan Imperatif Untuk Berubah



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Dalam ucapan bajet 2011 pada 15 Oktober 2010, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri mengatakan, "Kita mesti menerjang keluar dari belunggu pemikiran dan cara kerja yang biasa. Pucuk pangkalnya, kejayaan menuntut kepada perubahan dan pembaharuan. Ia tidak boleh lagi berdikit-dikit tetapi menghambat lonjakan mega. Ternyata, apa yang dihadapkan kepada kita sangat jelas. Kita melakukan perubahan dan pembaharuan. Dari itu, cabaran generasi kepimpinan hari ini adalah untuk membuat lonjakan seterusnya. Ia bukanlah satu kemustahilan. Dengan perancangan yang rapi seperti ini dan strategi yang jelas, mudah-mudahan kita akan berjaya."

YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak turut mengatakan, "Perubahan bukan lagi satu opsyen. Ia satu imperatif. Berubah atau kita akan ketinggalan." Kita perlu mengubah cara kerja dan minda bagi mencapai apa yang diperkatakan oleh YAB.

Tambahan beliau lagi, "Saya yakin kita akan dapat menangani pelbagai cabaran dan rintangan yang dihadapi. Bahkan, lebih dari itu, bersama-sama kita pasti mampu keluar dari perangkap ekonomi berpendapatan sederhana serta melonjak ke tahap pembangunan yang jauh lebih tinggi. Kerajaan memberi tumpuan kepada usaha mentransformasi Malaysia, menjadi negara maju berpendapatan tinggi, berpembangunan inklusif dengan pertumbuhan mapan diterajui sektor swasta serta mendahulukan kesejahteraan rakyat."

Setiap orang yang rasional akan bersetuju dengan YAB bahawa perlunya mengubah minda, pemikiran, sikap, kemahiran dan akauntabiliti untuk bersama-sama menjayakan sesuatu transformasi. Dunia sedang berubah dengan drastik dalam teknologi, inovasi, penciptaan dan pembangunan dan ia akan terus berubah.

Kita hidup dalam abad ke dua puluh satu. Ini bererti kita harus hidup, amalkan, belajar, berfikir dan melakukan seperti apa yang diperlukan dalam abad ke-21. Kita menghadapi abad yang kaya dengan penemuan dan implementasi teknologi canggih serta globalisasi ekonomi yang mencabar yang sama sekali berbeza daripada yang sebelum ini. Ini adalah abad di mana industri yang menggunakan tenaga manusia sebelum ini telah diganti dengan mesin, komputer dan elektronik. Dalam ertikata yang lain, pada masa akan datang, jika anda tidak berubah, anda akan digantikan dengan cip atau mikropemproses yang berharga RM1000.

Harapan YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak tidak akan tercapai jika hanya bergantung kepada beliau seorang. Harapan YAB hanya akan tercapai sekiranya seluruh rakyat dalam negara ini memberikan kerjasama dan usahasama yang jitu.

YAB memberitahu saya, anda dan setiap individu yang tinggal di bawah satu bumbung Malaysia bahawa setiap individu perlu berpengetahuan, berkemahiran, komiten, kesetiaan, inovatif, berbakat, bersemangat, pemikiran dan sikap yang positif.

Kita perlu memahami bahawa diri kita sendiri bertanggungjawab atas kejayaan kita. Malaysia tidak bertanggungjawab membawa kejayaan untuk kita. Kita yang bertanggungjawab membawa kejayaan untuk negara dan seterusnya kejayaan untuk diri sendiri. Sebuah negara yang lebih baik bermula dengan individu yang berubah menjadi lebih baik. Untuk memperolehi kareer yang lebih baik, pendapatan yang lebih lumayan, gaya hidup yang lebih mewah, masyarakat yang lebih prihatin; berubahlah menjadi individu yang lebih baik.

Tidakkah anda percaya sekiranya kita mempunyai produk yang terbaik, seluruh dunia akan membeli dari kita ? Tidakkah anda percaya sekiranya kita memberikan perkhidmatan yang terbaik, seluruh dunia akan berebut untuk berurusan dengan kita ? Bagaimana kita hendak mencapai status begitu sekiranya kita kekurangan dari semua segi - pengetahuan, kemahiran, komiten, kesetiaan, inovatif, bakat, semangat, pemikiran dan sikap yang positif.

Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia membuat pelaburan yang tinggi dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat dengan merancang dan mewujudkan program-program latihan serta kempen. Kerajaan memberi sokongan sepenuhnya kepada organisasi serta individu dari segi kewangan, idea, tenaga pengajar dan banyak lagi perkhidmatan yang percuma. Rakyat Malaysia adalah rakyat yang bertuah kerana jarang-jarang ada negara yang sanggup membuat pelaburan tinggi dalam hal ini. Namun, sungguh menghairankan kerana masih ramai lagi individu dan organisasi menolak peluang yang unik ini.

Kerajaan juga telah melaksanakan kewajibannya dengan cemerlang sekali dalam mempromosikan negara dan menggalakkan syarikat yang kuat dan kukuh luar negara untuk melabur dalam negara. Ini - tanpa keraguan - akan meningkatkan ekonomi dan membawa manfaat kepada organisasi serta kebanyakan orang dalam negara, kecuali mereka yang tidak bersedia untuk menghadapi persaingan.

Anda tidaklah perlu berkira barapa banyak yang patut anda sumbangkan, yang penting anda memberi sumbangan. Sesiapa juga mampu memberi sumbangan, seperti pak kata pepatah, "Jika anda tidak dapat menjadi matahari, jadilah bintang. Jika anda tidak dapat menjadi lebuhraya, jadilah jalan kecil. Bukan saiz yang menentukan kejayaan atau kegagalan. Jadilah diri anda sendiri yang terbaik."

Satu-satunya cara untuk bersiap sedia dan bersaing dalam perubahan dunia adalah dengan berubah. Kita perlu mengorak langkah dengan membuat penyesuaian dan perubahan. Kita seharusnya sanggup memberikan tenaga yang lebih supaya dapat meningkatkan diri dalam setiap aspek. Kita tidak boleh hanya berada dalam zon selesa yang telah dibina dan duduk mengharap yang lebih baik. Anda akan ketinggalan dan tidak dapat mengejar dengan perubahan.

Namun, hanya terdapat tiga pilihan yang perlu dipertimbangkan dalam membuat perubahan. Pilihan pertama adalah menunggu perubahan itu berlaku. Selepas itu barulah mengambil tindakan ke atas perubahan tersebut. Ini sudah terlambat dan selalunya tindakan yang diambil itu tidak berkesan ke atas perubahan yang telah berlaku. Dwight D. Eisenhower berkata, "Baik orang bijak atau orang yang gagah tidak akan berani baring di atas lintasan kereta api dan menunggu kereta api melanggarnya."

Pilihan kedua adalah membuat jangkaan sesuatu perubahan yang bakal berlaku. Bersiap sedia dengan tindakan-tindakan untuk menghadapi perubahan yang akan berlaku. Pilihan ini selalunya akan diiringi dengan stres.

Pilihan ketiga adalah melibatkan diri secara aktif dalam perubahan yang diperlukan oleh diri anda. Ini adalah kerana semua yang ada di persekitaran anda sedang berubah. Hadapi perubahan-perubahan tersebut. Ramalkan perubahan-perubahan yang lain. Ciptalah masa depan diri sendiri. Itu akan memberi impak besar dan perbezaan dalam hidup anda.

Kita tidak berkemampuan mengubah keadaan persekitaran kita; dengan itu kita dicabar dan dipaksa untuk mengubah diri sendiri. Zig Ziglar pernah berkata, "Anda tidak akan dapat mengubah keadaan persekitaran mengikut kemahuan anda; tapi anda boleh mengubah sikap anda untuk disesuaikan dengan keadaan persekitaran anda."

Untuk berubah adalah sukar tetapi tidak mustahil dilakukan. Anda perlu bekerja keras secara mental dan fizikal. Arnold Bennett berkata, "Setiap perubahan selalunya disertai dengan kekangan dan ketidakselesaian. Ramai yang akan putus asa." Ia sukar kerana ia memerlukan aspirasi dan komitmen yang jitu.

Anda berkemungkinan menghadapi kesukaran dan kekangan sepanjang proses mengubah diri sendiri. Anda perlu teruskan. Anda bertanggungjawab sepenuhnya dalam kemenjadian insan yang lebih baik. Perkara yang baik tidak akan datang mengguling tanpa pengorbanan yang besar. Pak kata pepatah, “Ada hati semuanya jadi. Tiada hati semuanya hancur.”

Mark Twain berkata, “Jauhi diri dari orang-orang yang selalu cuba merendah-rendahkan cita-cita anda.” Jika anda ingin berubah, bergaullah dengan orang-orang yang berfikir secara positif. Orang-orang sebegini dapat memberikan anda inspirasi, dorongan dan galakkan untuk berubah. Mereka akan sentiasa membuatkan anda berasa semua perkara adalah mudah dilakukan.

David McClelland, profesor psikologi di Universiti Harvard yang dikenali di antarabangsa kerana kepakaran beliau dalam motivasi manusia pernah melakukan satu kajian. Dalam laporan kajian beliau, beliau mengatakan, “Orang-orang yang ada hubungan dengan anda atau pergaulan anda dengan siapa memberikan satu pengaruh yang besar dalam sikap anda.”

Tidak ada sesiapa pun dapat memutar balik masa untuk mengulangi apa yang telah berlaku. Sesiapa pun boleh memulakan hari dengan membuat satu pengakhiran hari yang mengagumkan. Manfaatkan hari dan membuat pelaburan dalam memajukan diri sendiri. Tingkatkan keyakinan diri serta memaksimumkan penggunaan kemampuan yang anda miliki.

Berikut adalah satu ungkapan yang saya sukai. Penulisnya tidak diketahui tetapi selalu disalahkan dengan Charles Darwin. Ungkapan itu berbunyi begitu, “Bukan spesis yang terkuat yang mampu bertahan untuk hidup, maupun yang paling bijaksana, tetapi yang paling responsif terhadap perubahan.” Ini bermaksud satu-satunya jaminan untuk maju ke hadapan adalah kemampuan kita untuk berubah.

Dengan itu, saya meminta setiap pembaca yang sedang membaca artikel ini melafazkan seperti yang berikut, “Saya berikrar dan berjanji bahawa saya akan bekerja keras untuk berubah dan menjadi apa yang saya ingin jadi. Saya juga berjanji akan memainkan peranan dalam membantu diri sendiri, keluarga saya, organisasi saya, masyarakat saya dan negara saya untuk menjadi lebih cemerlang.”

.